1.Dalam bidang sains terutamanya perubatan, perkembangan yang pesat dan cepat dalam bidang ini memerlukan kami mengambil pendekatan "evidence based medicine" yakni keputusan klinikal dibuat berpandukan kajian terkini dan kebanyakan kajian-kajian ini disiarkan dalam jurnal-jurnal terkemuka seperti LANCET, BMJ dan lain-lain. Dan semestinya ia disiarkan dalam BAHASA INGGERIS. Oleh itu penguasaan dalam bahasa inggeris sangatlah penting untuk menilai dan memahami kajian-kajian tersebut.

2.Kebanyakan perkataan-perkataan sains yang dimelayukan menimbulkan kekeliruan oleh kerana bahasa sains adalah sangat rumit dan tersangat banyak. Walaupun pengajaran sains boleh dibuat dalam bahasa melayu, tetapi apabila pelajar sampai ke peringkat universiti, buku-buku rujukan kebanyakannya adalah dalam bahasa inggeris. Ini akan menimbulkan kekeliruan apabila perkataan-perkataan yang dipelajari diperingkat sekolah berbeza dengan perkata-perkataan yang dipelajari di peringkat universiti.

3.Komunikasi diperingkat antarabangsa seperti dialog dan seminar-seminar dilakukan dalam bahasa inggeris. Oleh itu, seorang doctor mestilah mengenali perkataan-perkataan sains dan perubatan dalam bahasa inggeris untuk memahami isi yang disampaikan oleh speaker dari negara lain.

Banyak lagi aplikasi bahasa inggeris yang diperlukan dalam bidang ini tapi saye hanya mampu menyatakan sebanyak ini sahaja. Bukan niat saya untuk merendahkan martabat bahasa melayu bahasa ibunda kita, tapi rasional mempelajari sains dan matematik dalam bahasa inggeris adalah sangat-sangat jelas.

Assalamualaikum w.b.t
anak_melayu_dublin
By MKMAuthor Profile Page on March 19, 2009 10:32 AM

GoodDay Tun,

Sometimes i wonder that we live in an injustice world.The situation in Iraq,Afganistan and Palestine are getting worst everyday,and yet the real culprit behind all this mass killing are free.And the worst part of it is that even some Muslim and European country are so bias against the decision that would bring peace and stabability to all this war-hit country.I hope that one day both Bush and Blair would be convicted of genocide and be sentenced to the electric chair.The world are a better place without both of this morons.

To Nasha Bin Edwin,

I think you need help seriously with you thinking cap.Please dont tarnish the Malay image by talking rubbish and childish comment.We dont need retarded jokers like yourself in this website.

Now Playing : Filter - Take a Picture
By Ahmad JoeAuthor Profile Page on March 19, 2009 10:34 AM

Kah.. kah.. kah kan dah kena. Berbeza pendapat memang perkara lumrah. Akan tetapi jika terlampau sangat berbezanya sehingga terkeluar dari pemikiran rasional menampakkan betapa kurangnya bijaknya anda (NbE).
By katun66Author Profile Page on March 19, 2009 10:37 AM

Salam untuk tun yang dikasihi,
Inilah masyarakat melayu kita, orang suruh belajar b.inggeris tak mau,
bila ditempat kerja jawatan penting kebanyakkannya dipegang oleh kaum lain marah, bila kita lihat kaum cina dan india bersembang dalam bahasa inggeris, kita tak rasa apa2, tapi bila kita dengar orang melayu bersembang dalam bahasa inggeris, kebanyakkan dalam hati kata orang tu berlagak. Rasa hati tu yang nak diperbetulkan. Betul tak ayahanda tun?

kalau sapa-sapa nak laju belajar bahasa inggeris, tengok kat sini:
http://www.whosnext.ws
By pianpjbAuthor Profile Page on March 19, 2009 10:42 AM

salam tun & blogger semua,

tun tak perlu lah layan makhluk2 mcm nasha bin edwin tu, buat penat dan menyakitkan hati tun aje. biar

kami je yang 'belasah' dia. tun mesti jaga kesihatan!

nasha bin edwin,
kalau kail pjg sejenkal,jgn lautan hndk diduga,
aku tahu la kau sekolah x habis, tp jgn la tunjukkan kebodohan kau kat sini dengan komen2 yg ntah apa-apa. mentaliti kau ni sama je dgn penyokong PKR yg lain. org mcm kau ni kan, kalau bagi minum air penerang hati 18 botol pun sia-sia je.
*dulu masa sekolah rendah kau masuk kelas pemulihan ke????
By syahrolAuthor Profile Page on March 19, 2009 10:47 AM

Assalamualaikum Tun,

Isu Bahasa Melayu...

Saya lihat bahasa menjadi isu utama. Tapi sejauh mana Bahasa Melayu kita ini mampu memartabatkan nilai-nilai bangsa Malaysia. Memanglah Bahasa Melayu merupakan Bahasa rasmi negara, tetapi rakyat di negara ini tidak fasih berbahasa Melayu. Bila berbahasa Inggeris, begitu baik sekali. Siap dengan loghat Amerika lagi. Inilah yang disebabkan mereka lebih kepada merujuk kepada Bahasa Inggeris dalam pengajian mereka.

Bangsa Malaysia seperti yang dicadangkan Tun dahulu merupakan satu idea yang amat baik. Ramai yang menyokong. Tetapi sejauh mana pencapaiannya. Di sini saya cuma ingin memberi cadangan. Saya mencadangkan agar mewujudkan program "Bumiputera Baru" di mana warganegara bukan Bumiputera boleh memohon untuk menjadi Bumiputera. Tetapi hendaklah mengikut syarat-syarat tertentu. Cadangan saya antaranya mereka ini haruslah fasih berbahasa Melayu dengan baik dan mempunyai kaliber dan semangat patriotik kepada negara, Program ini haruslah mempunyai peringkat-peringkat sesi kelayakannya. Antaranya permohonan, temuduga dan seterusnya. Dari situlah kita boleh tahu bahawa mereka ini memang mengamalkan Bahasa Melayu dalam kehidupan mereka dan patriotik kepada negara. Program ini mungkin mengambil masa yang agak lama. Bukan mudah untuk mem"Bumiputera"kan. Mungkin 10, 20 atau 50 tahun akan datang baru kita boleh lihat hasilnya. Kita boleh lihat kaum-kaum lain berbahasa Melayu dengan baik sekali.

Mungkin cadangan saya ini agak lebih-lebih dan mungkin juga orang Bumiputera kata saya bodoh. Tetapi saya orang Melayu, bukan nak menghancurkan bangsa Melayu, tetapi hanya cadangan bagi menyatukan bangsa kita kepada Bangsa Malaysia yang berbilang kaum.

Bagaimanapun ini hanya cadangan sahaja. Kalau kaum Bumiputera tidak bersedia untuk menerima kaum lain sebagai Bumiputera, mungkin cadangan ini boleh dibawa ke masa-masa lain.

Terima Kasih.
By ParpuKariAuthor Profile Page on March 19, 2009 11:04 AM

ASSALAMUALAIKUM AYAHANDA TUN,

SAYA CUKUP SUKA TUN SOUND KAT NASHA TU HA, MEMANG PATUT PUN DIA KENA SOUND MACAM TU, BETUL TUN, KEKADANG SAYA TENGOK, YANG MENJAHANAMKAN MELAYU NI SEBENARNYA ADALAH ORANG MELAYU SENDIRI SEBENARNYA TUN...CONTOH LIHALTAH SEKARANG NI BETAPA RAMAI MELAYU BERKIBLATKAN DAP DAN PKR...KALAU ADA YANG MENYOKONG PAS PUN ADALAH DARI KALANGAN ERDOGAN SAHAJA...MELAYU TAK SEDAR, MAKIN LAMA MEREKA MAKI HANYUT...BETUL APA TUN CAKAPKAN SELALU...MELAYU MEMANG MUDAH LUPA....

KITA JUMPA 22HB NI TUN DI BANGSAR YA....SALAM SAYANG DARI ANAKANDA MU INI...

KALAU TUN SUDI DATANG LA KE BLOG SAYA, ADA CERITA YANG PANAS PARTI SEX BEBAS NI...HE HE HE

GEMPAR BERITA TERKINI MENGENAI PIMPINAN PKR!

BACA DI SINI!

http://parpukari.blogspot.com/2009/03/yb-fairus-tkm-1-pp-akan-meninggalakan.html
By Terus Terang 1Author Profile Page on March 19, 2009 11:19 AM

Selamat Pagi Tun,
Ada tiga perkara ingin saya ketengahkan di sini.

a. Apakah peranan/sumbangan makamah antarabangsa dalam menangani masalah terrorism dan peperangan? Setahu saya, mereka pernah menyelesaikan masalah border di antara negara2. Apakah makamah itu mampu buat berubahan drastik dlm menangani masalah pelampau dan peperangan.

b. Apakah pandangan Tun terhadap penyalahgunaan kuasa di Malaysia khususnya di penjara. Kes Kugan meletup kerana pembangkang mahukan kes seperti itu untuk serang kerajaan sekarang dan pada masa yg sama mereka juga dapat tarik undi kaum India. Kalau pembangkang tak berminat kes serupa ini dah tentu kematian Kugan hanya satu kematian bukan lagi satu isu. Bukan Kugan saja, dulu ada kes perempuan dibogelkan dan klip itu tersebar dan macam-macam lagi telah berlaku di dalam penjara-penjara Malaysia.

c. Sebagai chairman of KLFCW, kenapa Tun tak pernah bersuara terhadap peperangan yang berlaku diantara negara-negara atau kaum-kaum bukan Islam? Contohnya , perang saudara di Sri Lanka , peperangan border di antara Thailand dan jirannya, masalah yang melanda di semenanjung Korea dan sebagainya.

Satu soalan tambahan; Satu dunia tahu yang Isreal berani serang Lebonan , Gaza dan berani pula nak serang Iran pasal ketua-ketua di Middle East tak bersatu. Itulah punca penyebab US, Briton, Isreal serang. Apakah tindakan KLFCW untuk selesaikan masalah akar ini? Saya percaya selagi ini selesai tak selesailah masalah di Middle East.

Kenapa bangsa Arab biarkan saudara mereka dibuli?....
By kobeAuthor Profile Page on March 19, 2009 11:35 AM

Tun,

1. Bukankan kalau nak terjemah dari inggeris ke bahasa melayu kena belajar bahasa inggeris dulu?

2. Belajar inggeris satu hal,

3. Kuasai ilmu sains, metematik, undang-undang, IT, ekonomi, akaun, muzik & sebagainya, satu hal.

4. Lepas tu nak terjemah pula...satu lagi kerja...satu hal

5. Orang melayu memang rajin. Suka buat dua, tiga kali kerja.

6. Orang Cina (malaysia)suka la. Dia tahu bahasa ibunda mereka dikekalkan. Orang Melayu apa tau, kuasai satu bahasa sahaja. Orang Cina tahu bahasa ibunda mereka, bahasa melayu dan inggeris (3 bahasa). Kita pula asyik ditipu. Belajar BM pun dapat 6C. Orang cina belajar bahasa melayu dapat A1. Kata Cikgu bahasa mandarin saya, bahasa melayu ini senang. Tatabahasa BM tidaklah terlalu sukar seperti bahasa mandarin.

7. Ini saya akui. Cuba lihat Bahasa Arab, Bahasa Inggeris dan Bahasa Mandarin. Tulisannya saja sudah berbeza. Sebutan pula sangat jauh dari satu sama lain. Belum lagi kata ganti diri. 'Present tense, past tense' ada dalam ketiga-tiga bahasa tersebut. Kita jangan mendabik dada dengan hanya menguasai satu

bahasa.

8. Negara Cina kan sekarang sedang menuju kecemerlangan. Kaya, Makmur. Siap bagi pinjaman kepada Amerika lagi. Kalau Amerika tipu Cina bulat2, habis Negara Cina. Saya yakin, pegawai2 Negara Cina mesti mahir berbahasa inggeris.

9. Saya sendiri belajar bahasa mandarin. Agak susah pada awalnya, tapi boleh. Macam saya belajar bahasa Arab dulu. Sekarang dah boleh dah. Takkan Melayu hilang di dunia. Yakin pada diri sendiri.

10. Cuba kuasai bahasa lain, anda akan tahu betapa mulianya bahasa kita, bangsa kita, Bangsa Melayu, Orang Melayu.

p/s: Kalau boleh nak belajar banyak bahasa.
By Nothing but windAuthor Profile Page on March 19, 2009 11:44 AM

Dear Tun Dr M,

Please allow me to touch on recent political event.

The UMNO Disciplinary Board had found Mohd Ali Rustam guilty of corruption charges for the contest of Deputy President. However, it was decided, he will remain the Ketua Menteri of Melaka.

What MACC(The Anti Corruption Commission)has to say about this . Should they initiate their own investigation on Mohd Ali Rustam of corruption charges using their own guidelines or they will be silenced by UMNO stating that it was a "party matter".

If the above excuse is allowed, then later MACC will not have any job to do by MACC since they would say it is a "family matter", "company matter", "community matter" etc.

MACC should step in Mohd Rustam's case unless its rules and guidelines does not permit it.
By adamjohariAuthor Profile Page on March 19, 2009 11:51 AM

I think the people here need to stop typing in all caps. It's fairly annoying and irritating.

Adam Johari
By ShamMohammadAuthor Profile Page on March 19, 2009 11:53 AM

Salam Tun dan Bloggers lain yang bijak pandai,

Buat Nasha bin Edwin, sekiranya dan sememangnya anda rakyat Malaysia, amatlah ruginya bumi bertuah ini mempunyai rakyat yang berfikiran seperti kamu, cuba kamu renung sejenak perkata Melayu Bodoh yang Tun gelarkan secara tak langsung kepada kamu...

Kalau perkataan bodoh ni diperluaskan kepada makhluk Tuhan yang lain, inilah contohnya: Kau ni bodoh macam lembu!!... jadi kita semua faham, lembu di situ adalah Nasha.

Kita boleh guna roket 'parti roket' untuk hantar Nasha bin Edwin ke 'bulan', hantar bersama-sama dengan seekor lembu, untuk dia buat kajian antara dia dan lembu mana lebih 'bijak'...

Salam
By RepublicAuthor Profile Page on March 19, 2009 11:56 AM

Selamat pagi tun

No other than; reasonable-concrete-supportive statement such as " IT'S OUR SECURITY CONCERN".

Only they are legitimate to use but not others.

Make sense if "the small" are trying to teach "the big" a painful-unforgotten lesson.
By JJJAuthor Profile Page on March 19, 2009 12:15 PM

salam Tun,

GEORGE W. BUSH MUST BE TRIED IN AN INTERNATIONAL COURT OF LAW,ALONG WITH TONY BLAIR AND THE JEWISH REGIME LEADERSHIP!

The ICC has a hidden agenda to indict the president of oil-rich Sudan.Smells of the Iraqi debacle all over again.

What Tun is doing now is courageous and should remind the world of the gross injustice inflicted on certain peoples and expose the wicked ill intentions of others.

NOMINATE TUN DR. MAHATHIR FOR A NOBEL PEACE PRIZE!

Wassallam

Jeng3
By baokAuthor Profile Page on March 19, 2009 12:16 PM

Semua pembaca,

Tentang isu bahasa inggeris ini, janganlah memberikan alasan-alasan yg boleh menyebabkan orang pandang melayu ni bodoh. cuba kembangkan fikiran. janganlah jadi seorang yang jahil. Bagi saya kalau kita belajar dalam bahasa inggeris sekali pun, takkan hilang kemelayuan yang ada dalam diri seseorang itu. Sebagai contoh Dato' Seri Utama Rais Yatim. Bahasa yang beliau gunakan saya anggap adalah bahasa melayu yang indah dan tersusun. Adakah beliau dulu belajar dalam Bahasa Melayu seratus peratus? Saya rasa tidak. Bagaimana beliau boleh bertutur bahasa melayu dengan baik sekali? Fikirkan...

Berdasarkan kepada peratusan pelajar, saya rase pencapaian pada tahun ini meningkat. begitu juga peratusan pelajar yang menjawab dengan menggunakan bahasa inggeris. peratusannya meningkat dari tahun sebelumnya. Institusi perguruan perlu jadi pembinbing. jangan menjadi penghasut kepada pelajar-pelajar sekolah yang masih belum terdedah dengan dunia politik. Hasutan-hasutan daripada guru yang menjadikan pelajar-pelajar terpengaruh.

Nasha Bin Edwin? Adakah anda di bahagian profesional? boleh bertutur dalam bahasa inggeris? saya malu dengan para graduan yang memiliki ijazah, tetapi tidak boleh bertutur bahasa inggeris. bagaimana hendak maju? maksud maju di sini adalah bagaimana hendak bertukar-tukar pendapat dengan negara luar jika tidak boleh bertutur dalam bahasa inggeris? jangan jadi seperti katak bawah tempurung. duduk senyap dengan tidak mengetahui dunia luar.

Bangunlah semua. jangan asyik berpolitik sehingga mempengaruhi masa depan anak bangsa sendiri. jangan sampai generasi akan datang mengutuk generasi yang sebelumnya....

Assalamualaikum....
By viraAuthor Profile Page on March 19, 2009 12:23 PM

Learning maths & science in English ... give it some time guys. We shall see the result only in the future. It takes time for the entire system to absorb the changes.

In my time i learned these 2 subjects in BM, now in my business life it doesn't help. This is my own experience. I still have to use english and get my results. Never the less, I love my " 2nd mother toungue" BM. Being a non Malay, I use to get the highest marks in my class for my BM papers. Am proud of it.

Tetapi pengunaan BM amat terhad dalam bidang sains and matematik pada masa sekarang. Semua surat menyurat saya sekarang terpaksa menggunakan B.Inggeris. Bahasa itu lah yang lebih "di terima" oleh sekutu sekutu perniagaan secara am.

Kita kena lebih realistik and praktikal dalam hal ini. Jangan gunakan emosi sahaja !
By AshriAuthor Profile Page on March 19, 2009 12:27 PM

Assalamualaikum Tun & Bloggers,

Ketika Nabi Muhammad S.A.W berada di gua Hiraq,dan datanglh Malaiakat Jibril memeluknya sambil berkata IQRAQ.....(bacalah/belajarlah)kerana apa(what for),kenapa(why)...?????!!!!!
dan jawapannya seperti yg Tun tlh katakan,kita tak kan rugi apa2 pn jika kita dpt menguasai lebih dr satu bhsa,malah seseorng itu akn dpt untungnya,bukan di akhirat tp di dunia ini.....fikirkan lah.
Sebagai orang Islam kita dituntut/disuruh utk membaca ALQURAN kenapa??? bukankah ALQURAN itu segalanya....(ILMU,ADDIN,BAHASA,.....
SEGALA2 yg meliputi apa saja didunia ini).Lupakan Isu PPSMI buang dlm tong sampah.kerna nila setitik rosak susu sebelanga..

Di doakan semoga Tun dan Isteri(Tun Dr Siti Hasmah)akan berada didlm sihat walafiat.....amin!!!!!

Orng Langkawi .(0195953022)
By JJJAuthor Profile Page on March 19, 2009 12:36 PM

salam Tun,

Spesis seperti Nasha Bte Edwin ada banyak dalam laman web dan juga di sini.Anda tahu siapa anda.

Saya golongkan mereka2 ini sebagai BODOH SOMBONG DAN TIDAK BERTANGGUNGJAWAB!

Komen demi komen bodoh yang mereka lontarkan menunjukkan kecetekan pemikiran dan kejahilan mereka yang berfikir secara membangkang buta tuli tanpa usul periksa dan objekiviti.

Orang seperti ini adalah yang selalu menyertai rusuhan dan demonstrasi.

Saya sarankan mereka ini supaya muhasabah diri dan ubah perangai.

Mintak tolong Cik Nasha jangan bagi komen bodoh lagi...

Wassallam

jeng3
By kamal ahmadAuthor Profile Page on March 19, 2009 12:53 PM

Salam kasih dan hormat Ayahanda Tun.

Sedih bila masih lagi terbaca kisah sebegini. Kemiskinan memang adalah sebahagian daripada kehidupan. Sangat mudah menunding jari menuduh kesalahan. Tetapi roda kemiskinan ini sangat bersifat “pro-aktif” dalam mencari sasarannya yang seterusnya. Kemiskinan akan tetap menghantui manusia. Alhamdullilah juga pihak JKM bertindak secara pro-aktif demi untuk kebajikan keluarga ini. Syabas diucapkan kepada JKM.

Saya buat pertama kalinya melihat Mercedes Benz Brabus Series W211 dihadapan PWTC masa

persidangan UMNO 2004 dahulu. Hebat kereta ini Tun. Enjin berkuasa kuda hampir 642 BHP, Enjin V12, kelajuan maksima 340 Km/h, harga mesti juga melepasi RM1 juta. Bayangkan Tun, betapa hebatnya perjuangan hari ini. Mesti perlu kuda pacuan yang laju juga untuk bergerak pantas dalam arena politik masa kini agaknya. Apapun, saya harap keinsafan telah ada pada semua dalam UMNO, terutamanya selepas tamatnya tempoh kerajaan ke-Lima ini kelak. Jangan lagi buat laman PWTC jadi tempat pameran kereta-kereta mewah semasa persidangan kelak. Sebab rakyat dah jelek, dah muak dan meluat dengan mentaliti ini. Kalau duit banyak pun, buat macam Banggali roti atau Cheetiar sudah. Sini Malaya tunjuk tak mau, tapi sana Bombay sama Delhi tanah juga ada beli. Apapun, bolehkah kuda 642 ekor tadi memberi sesuap nasi kepada keluarga di bawah ketika perut mereka lapar tengah malam? Bolehkah kelajuan 340km/h tadi mengeluarkan mereka dari kemelut kemiskinan ini? Itulah, orang putih kata “shame on you!”. Jangan lagi ulangi mentaliti sempit dan bodoh ini. Kali ni datang PWTC naik Komuter KTM. Turun di stesen Putra lepas Stesen BNM. Kalau naik STAR LRT turun di stesen PWTC. Belajar lintas jalan ramai-ramai pakai baju Melayu dengan kain Sampin anda semua. Ini akan berpeluh sedikit, ikatan kain Sampin akan lari sikit, kena ikat lain dalam Hall PWTC, tapi ini namanya maruah. Lagipun masa mesyuarat besar Anti Malayan Union 1946 dulu, Melayu kampung datang dari desa naik keretapi. Bawa bekal lepat ubi, pisang dan pulut dengan ikan masin, pulut udang, pulut inti. Bila keretapi dah mula perlahan apabila nak masuk stesen KL, mereka lompat turun diam-diam dan ada yang jatuh berguling ditepi landasan. Sebab British dan para barua British dah sedia tunggu di Stesen keretapi KL untuk nak tangkap mereka ini semua. Bacalah buku sejarah perjuangan UMNO anda semua. Anda hari ini adalah pewaris perjuangan ini.

Hidup Melayu! Hidup UMNO!... Inshallah.

----P.S: Kami berharap keluarga istimewa ini tidak akan dipisahkan. Cukuplah perit merasa semua ini secara fizikal, jangan pula dicalarkan hati, emosi dan mental muda anak-anak istimewa ini dalam kes ini.----

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0319&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_01.htm

JKM diminta bantu nasib empat beradik

JASIN 18 Mac - Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan agensi kerajaan berkaitan hal ehwal kebajikan rakyat miskin diminta tampil membantu meringankan penderitaan yang dialami empat beradik di Kampung Lubuk Kasau, Bemban, di sini.

Kesempitan hidup dan tiada tempat bergantung yang menjadi dilema empat beradik terbabit turut mendapat perhatian pihak Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) apabila Yang Dipertuanya, Murad Husin dan wakil penduduk kampung meluangkan masa melawat adik-beradik terbabit.

Menurut Murad, pihaknya mengambil inisiatif membuat pungutan derma di kalangan Ahli Majlis MPJ selepas beliau mempengerusikan mesyuarat bulanan MPJ semalam, bertujuan menampung keperluan harian kepada keluarga berkenaan.

''Bagi MPJ, kita juga mempunyai peruntukan khas bagi membantu meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh keluarga atau pelajar miskin, namun kita akan rujuk terlebih dahulu masalah ini dengan JKM Jasin sebelum tindakan susulan mengenainya diambil,'' katanya.

Menurutnya, sebelum ini, keluarga empat beradik terbabit ada menerima bantuan bulanan daripada JKM namun ia telah ditarik balik selepas ibu mereka, Maimunah Kasim meninggal dunia akibat penyakit Hepatitis B pada Sabtu lalu.

Namun, katanya, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bemban, Chua Kheng Hwa sudah merujuk perkara tersebut dengan agensi yang berkaitan bagi memohon bantuan bulanan sara hidup untuk empat beradik berkenaan.

Katanya, beliau turut bimbang dengan masa depan Nur Nabila Osman, 17, dan tiga adiknya yang lain selepas datuk mereka, Kasim Maa'rof, 80, tidak mampu memelihara mereka kerana masalah kesihatan dan kesempitan hidup.

''Saya juga berharap empat beradik ini tidak dipisahkan jika sudah ditempatkan di rumah kebajikan kelak, saya dimaklumkan hanya Mohd. Asyraf Osman, 13, dan Nur Fahana, 10, akan diambil oleh pihak JKM.

''Mereka akan ditempatkan di salah sebuah rumah kebajikan di Cheras, Kuala Lumpur, saya harap biarlah, adik-beradik ini diletakkan di rumah kebajikan yang berdekatan dengan tempat tinggal datuk mereka di Jasin,'' katanya.

Usaha itu, katanya, lebih memudahkan saudara mara dan datuk empat adik -beradik berkenaan melawat

mereka kelak dan pada masa yang sama, nasib dan kebajikan mereka lebih terjamin.
"Saya berharap agar agensi yang berkaitan dapat menempatkan Nur Nabila dan adik lelakinya, Mohd. Aidid di sekolah atau kolej yang menawarkan kursus kemahiran vokasional agar mereka mampu berdikari dalam kehidupan kelak," katanya.
By pakbelalangAuthor Profile Page on March 19, 2009 12:54 PM

Brunei: Limbang claim not discussed

MIRI: Brunei's Second Minister of Foreign Affairs and Trade Datuk Seri Lim Jock Seng has denied that claims on Limbang were discussed during the meeting between Sultan Hassanal Bolkiah and Malaysian Prime Minister Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Speaking at the Brunei legislative council meeting on Tuesday, he said the discussion that led to the signing of the Letters of Exchange (LoE) in Bandar Seri Begawan on Monday was on the demarcation of land boundaries on the whole.

Abdullah, at a news conference with Malaysian journalists after the signing of the LoE on Monday, said that Brunei had officially dropped its longstanding territorial claim over Limbang, Sarawak's northernmost division.

He said the matter was part of the historic LoE inked between him and Sultan Hassanal Bolkiah at Istana Nurul Iman in Bandar Seri Begawan.

"It has been stated in the LoE that Brunei has dropped the issue and this means that Limbang is part of Malaysia," he was quoted as saying.

comment:

What is all this controversy , Pak Lah? Are you talking the truth?
It looks like Pak Lah did not read or understand the contents of LoE.
What a shame !!

If you want to take credit over the dropping of the claims on Limbang by Brunei before you leave office, you must ensure that it is really officially dropped. Now Brunei is officially denying that it has dropped the claim. Now which is which now?

Rais has got to clarify this matter. Pak Lah is just hopeless !!
By MII66Author Profile Page on March 19, 2009 12:56 PM

Salam Hormat TDMM & TDSH,

Look up the meaning of BUSH in the dictionary! That is what happening the whole wide world now.

THANK YOU SIR!
By pakpandir08Author Profile Page on March 19, 2009 1:05 PM

To ah soh HBT,

why khir toyo is cleared? your reason only tell others that your mind is too simple ... for the issue of ali rustam, khairy, and toyo, pls think in political way, it is not as simple as u think ...

(1) a warning to khairy for diciplinary action will only give bad impression on him ... additionally is it a protest message to abdullah from the result of the meet between abdullah and anwar? and to show who is more in power?

(2) khir toyo is cleared, give a very strong message that he is "clean" from all the "rumours" targeted on him which associated with "corruption"
- when this happens, khir toyo will have the higher chances to beat Mukhriz for the pose of UMNO Youth Chief ... is this a message for Tun not to critic so much for the "new in-power person", as what Tun did to Abdullah?

(3) ali rustam who is well known as pro-abdullah, not able to contest now ...

all this happens when the party election is near ... unless you are too simple minded, else you should see the message ...
By BahadorAuthor Profile Page on March 19, 2009 1:06 PM

Salam Tun,

Hmmm...about the The Warrant of Arrest of Sudan's President...let see who is Obama? What is Obama's action? Maybe we will know the answers not so soon but not that long!!!

Nasha...saya harap anda bukanla seorang melayu walaupun nama anda ada BIN di tengahnya. Kalau anda langsung tidak bersetuju dan rasa tidak mahu bersetuju...katakan sahaja tanpa memberikan kenyataan untuk menjatuhkan air muka seseorang...Anda patut baca semua komen untuk anda...dan anda sepatutnya tidak akan berasa marah sebab anda gagal menyakinkan...mungkin anda tidak bodoh tetapi terkurang sangat pandainya...
By athoyAuthor Profile Page on March 19, 2009 1:07 PM

Salam Buat Tun Sekeluarga.

1. Malang dan malu bila ada pihak-pihak yang mendakwa memperjuangkan Bahasa Melayu/Malaysia tetapi tidak kena pada tempatnya.

2.Berfikiran Jumud tidak bertempat. Kalau nak menjadi hero atau pejuang bangsa dan bahasa tu ada caranya dan ketikanya.

3. Sedih bila kalangan yang telah diangkat dan dimertabatkan sebagai nasionalis bahasa berfikiran cetek dan dangkal mengenai isu pengunaan bahasa dalam pembelajaran matematik dan sains.

4. Di mana kewarasan pemikiran anda yang bijak tersebut. Atau hanya setakat itu sahaja mentaliti yang dapat dikotakan oleh akal pemikiran dan kebijaksanaan yang ada pada diri anda-anda yang terbabit?

5. Cuba duduk diam-diam dan cuba muhasabah diri.

6. Tahu kah saudara-saudara cerdik pandai dan para-para cendiakawan semua bahawa lebih kurang 65% dari graduan universiti tempatan tidak fasih berbahasa inggeris dan tidak dapat menyesuaikan diri di alam pekerjaan.

7. Bukan nak menaikkan mertabat bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa lain selain dari Bahasa Melayu/Malaysia. Tapi bahasa Inggeris juga penting di alam luar dari persekolahan dan malang bagi pelajar-pelajar tersebut kerana gagal untuk berinteraksi sepenuhnya dialam nyata.

8. Mereka dilihat dan dianggap sebagai graduan kelas kedua kerana tidak dapat memenuhi permintaan di luar. Gagal dalam berinteraksi, pengetahuan dan hilang dalam alam sendiri. Masa "interview" untuk pekerjaan, tanpa gagal hampir 90% dari para majikan akan uji pengetahuan dan percakapan selain bahasa ibunda. Tergagap-gagap nak lepasi proses tersebut, lepas tu terus kena "reject" dan lepas tu lagi mula salahkan sistem pembelajaran.

9. Di mana kita?? Jangan hanya pandai bercakap. Tolong tengok kebenaran yang ketara.

Terima kasih.
By pakbelalangAuthor Profile Page on March 19, 2009 1:32 PM

Dear Tun,

Decision draws flak from Malacca

MALACCA: State Umno leaders continued their criticism of the disciplinary board over its "unfair and one-sided" decision to ban Datuk Seri Mohd Ali Rustam from contesting in the elections.

comment:

Sepatutnya pemimpin-pemimpin UMNO Negeri Melaka patut pecat Ali Rustam kerana didapati bersalah. Mengapa kita harus berpaut dan besubahat dengan pemimpin yang rasuah. Apa hukumnya?

Memalukan dan menjijikan dapat pemimpin yang rasuah.

Pemimpin yang rasuah bila berkuasa akan gunakan kroni-kroninya jadi macam kerbau dan lembu di ikat di hidung mereka dan di tonggang oleh pemimpin perasuah ini hinggalah sampai masa apabila lembu dan kerbau ini didapati sudah tidak guna lagi.
By nemoAuthor Profile Page on March 19, 2009 1:39 PM

Assalamualaikum buat Tun & isteri.....

HMMMMMMM.....
SOALAN KEPADA MEREKA2 YANG MENENTANG PPSMI.....

1.HILANGKAH JATI DIRI ANAK-ANAK KITA SEBAGAI MELAYU SEKIRANYA PPSMI INI DITERUSKAN ?

2.BAGAIMANA PULA HIBURAN2 INGGERIS DI TV YG SERING DISOGOKKAN KPD ANAK2 KITA SEHARIAN ?

3.KITA BERCAKAP MENGENAI MELAYU..... BAGAIMANA DENGAN ISLAM....? PERNAH TAK KITA TERFIKIR APA YG CUBA DILAKUKAN OLEH TUN MELALUI PPSMI SEBENARNYA SECARA TAK LANGSUNG DAPAT MELAHIRKAN GENERASI ISLAM YG BOLEH DIKAGUMI SEPERTI DULU..... BUKAN HANYA SOAL MELAYU SAHAJA.....

4.KENAPA MASYARAKAT BUKAN MELAYU KURANG MENENTANG PPSMI INI ?

5.ADAKAH BERDEMONTRASI DI JALANAN ITU SALAH SATU DARI NILAI KEMELAYUAN YG DIPERJUANGKAN ?

6.MENEMPIK, MENYUMPAH..... KE MANA HILANGNYA BUDI BAHASA & SOPAN SANTUN YG SEPATUTNYA ADA DLM DIRI MASYARAKAT MELAYU?

KEPADA NASHA B EDWIN.....
KALAU KAIL PANJANG SEJENGKAL, LAUTAN DALAM JANGANLAH DI DUGA.... BURUK PADAH NYA....

SALAM SAYANG BUAT TUN & ISTERI
By mozaksAuthor Profile Page on March 19, 2009 1:45 PM

Assalamualaikum.

Saya adalah pembaca setia laman web ini tetapi ini adalah kali pertama saya menghantar komen kerana

terbaca komen saudara Nasha Bin Edwin.

Sebenarnya, saya merupakan salah seorang bekas pelajar di Korea di bawah dasar pandang ke timur dalam jurusan kejuruteraan. Sekarang, saya bekerja di syarikat Korea di Malaysia di dalam bidang R&D.

Semasa saya belajar di Korea, saya berasa sungguh kagum melihat orang Korea yang mengagungkan bahasanya sehinggakan ramai orang Korea yang tidak tahu berbahasa Inggeris. Oleh sebab itu, semua pelajar luar terpaksa mempelajari bahasa Korea untuk kehidupan di sana.

Namun begitu, bahasa korea tidaklah digunakan sepenuhnya di dalam kejuruteraan. Semasa belajar, rata-rata buku rujukan yg digunakan adalah buku dalam bahasa Inggeris. Kalau ada pun buku dalam bahasa Korea, ianya telah diterjemah dari buku Inggeris dan kadangkala digunakan kedua-duanya di dalam kelas - dalam bahasa Inggeris dan bahasa Korea. Saya amat sokong pendapat Tun mengenai terma yang digunakan dalam sains. Dalam bahasa kejuruteraan juga, keseluruhan terma kejuruteraan adalah di dalam bahasa Inggeris, jika di terjemah ke bahasa Malaysia, ia akan menjadi susah untuk difahami. Selain itu, jika semasa belajar kita sudah biasa mempelajari terma di dalam bahasa Malaysia, bagaimana pula selepas kita belajar di universiti atau di tempat kerja kelak? Boleh dikatakan semua syarikat asing di Malaysia menggunakan bahasa Inggeris sebagai pengantara dan keseluruhan perkataan penting adalah terma kejuruteraan. Jika rakyat Malaysia tidak memahami apa yg dikatakan oleh pelabur-pelabur asing ini, sudah tentu mereka memerlukan tenaga profesional dari luar dan ia melibatkan kos yang tinggi. Lebih baik mereka melabur di tempat yang rakyatnya memahami apa yang mereka cakapkan.

Saya sangat menyedari perkara ini setelah saya bekerja, di mana 99% bahasa yang digunakan sewaktu bekerja terutama untuk membuat laporan adalah bahasa Inggeris. Tidak pernah dalam sejarah pekerjaan saya pihak pelanggan meminta laporan di dalam bahasa Malaysia walaupun pelanggan tersebut adalah orang Malaysia sendiri. Kita perlu terima hakikat bahawa bahasa Inggeris sangat penting untuk kemajuan sesuatu bangsa, negara dan diri kita sendiri. Kita akan ketinggalan jauh jika kita tidak dapat bertutur atau memahami bahasa dunia. Sebagai contoh, 10 tahun lalu saya di Korea boleh dikatakan hanya 2~5% orang yang saya jumpa boleh memahami sedikit bahasa Inggeris. Tetapi sekarang, boleh dikatakan rata-rata orang yang saya jumpa dapat memahami walaupun tidak dapat bertutur. Ini menunjukkan negara yang sangat mementingkan bahasa sendiri pun telah sedar kepentingan bahasa Inggeris. Kenapa pula kita harus mundur kebelakang?

Walaupun saya kurang pandai berbahasa Inggeris, saya sedar betapa pentingnya bahasa dunia ini dan saya merasa kesal kerana tidak belajar bahasa Inggeris bersungguh-sungguh sewaktu sekolah dulu. Untuk generasi akan datang, kita perlulah perbaiki kelemahan yang kita telah alami dulu dan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran matematik dan sains adalah asas yang baik untuk memahami dan mempelajari teknologi baru.

Akhir sekali saya ingin berterima kasih kepada Tun kerana telah memberi peluang kepada saya dan rakyat Malaysia membuka minda dengan melanjutkan pelajaran di bawah program Dasar Pandang Ke Timur. Banyak perkara yang saya pelajari dan alami di Korea dan sehingga sekarang saya masih mempraktikkan sifat-sifat orang Korea yang boleh dijadikan teladan.
By joshfienneAuthor Profile Page on March 19, 2009 1:56 PM

Dear Tun, just ignore this lady. this is the type of people with vertical OR horizontal thinking (only one applied at time).the minute you open your mouth, people can usually weigh your intelligence. so think first before you talk.
By musatoAuthor Profile Page on March 19, 2009 1:59 PM

Assalamualaikum Tun.

PPSMI

Pemimpin tidak dijanjikan apa-apa kecuali fitnah.

Keadaan politik sudah jauh berubah sejak Tun bersara.Mungkin PPSMI patut dibiarkan bergerak secara semulajadi.

Selama saya memberi komen dalam blog ini,saya tidak mempunyai banyak maklumat kecuali dengan membaca Utusan Malaysia dan menonton televisyen.

Apatah lagi membaca akhbar berbahasa Cina atau India.Tetapi pelbagai kaum dalam Malaysia nampaknya bersatu dalam hal ini.Iaitu memastikan setiap bangsa mengamalkan identiti masing-masing.Kenapa tidak?

PERNIAGAAN

Buat beberapa bulan yang lepas saya tidak nampak kenapa saya perlu berundur dari menyewa tapak setelah berada dalam persaingan selama 4 tahun.

Kadang-kadang nampak terlalu samar apa yang perlu saya buat.Dan saya tak berapa suka pada kesamaran.Kerana pegangan itu,saya masih meneruskan perniagaan.Moga timbul buih-buih yang menggerakkan dan memanaskan hati saya supaya berundur dari tapak sentimental tersebut.

Kebetulannya, selama 3 hari kebelakangan ini saya tidak dapat berniaga kerana tiada elektrik.Mungkin inilah masalah besar pihak pengurusan.Sebelumnya pun sama jugak.Saya fikir saya tidak akan dapat mengubah pihak pengurusan dalam masa yang terdekat.Apatah lagi orang dalam memberi nasihat supaya saya berundur buat seketika.

Mungkin saya akan berundur.Hantar ke budak sekolah lagi bagus.Mana tahu ramai budak sekolah dapat 20A kerana makan roti,kan?

Terima kasih Tun.
By pakbelalangAuthor Profile Page on March 19, 2009 2:03 PM

ADAKAH MAT TAIB LAYAK JADI TIMBALN PRESIDEN?

Kita mesti berfikiran waras kerana Allah memberi kita akal yang terbaik sekali dikalangan makhluknya. Gunakan akal kita sebaik-baiknya. Kita janganlah jadikan akal kita "buta, pekak dan tuli".

Mat Taib tidak layak jadi Timbalan Presiden. Terimalah hakikat ini.Dari segi moralnya Mat Taib bukan pemimpin yang baik. Sejarah kepimpinannya banyak memberikan kita gambaran peribadinya yang tidak mencerminkan seorang pemimpin yang bermoral tinggi.

Tahap pemikiran Mat Taib tidaklah kemana. Jawatan Timbalan Presiden memerlukan personaliti pemimpin yang bertaraf GLOKAL untuk membawa rakyat ke tahap yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Kepada perwakilan yang telah diberi keistimewaan untuk mengundi calon pemimpin tertinggi UMNO saya ingin merayu dengan seikhlasnya supaya jangan diperjudikan masa depan UMNO dengan memilih pemimpin yang haprak dan HP6.

Fikirkan lah.
By CohongAuthor Profile Page on March 19, 2009 2:08 PM

Teramat rugilah kepada meraka yang tidak mahu mempelajari dan menguasai bahasa inggeris.
By 2009Author Profile Page on March 19, 2009 2:09 PM

Tun,

Pendapat saya tak ada salahnya komen Nasya tu... apa yang beliau maksudkan ialah golongan yang belajar S&M dalam BI tak lah hebat sangat berbanding yang belajar dalam BM. Tak ada apa yang boleh dimegahkan. Gred kelulusan mereka dalam S&M pun tak sebaik yang belajar dalam BM. Mungkin pemahaman konsep sains mereka lemah.

Kesimpulan nya lebih baik belajar S&M dalam BM.

Harap Tun faham dulu sebelum komen balas.
By samuraimelayuAuthor Profile Page on March 19, 2009 2:24 PM

SALAM AYAHANDA RAKYAT TUN
IZINKAN,

By HBTAuthor Profile Page on March 19, 2009 8:26 AM
.....
Why Khir Toyo was cleared? The answer is he never betrayed his own race and kedaulatan undang2 eventhough he is a crook. Nak jadi Robin Hood, jadilah hero macam Khir Toyo, bukan macam langkah Gorbind Singh, hero kepada "The Car Thief". the late Kugar, untuk mendapat kuasa, itu taktik 3rd world mentality.

MOHON MAAF ADIK 'HBT',
THIS KHIR TOYO (KT) FELLOW IS NO ROBIN HOOD NOR A HERO BUT A CROOK OR A 'LINTAH' AND A DISGRACE TO HIS BANGSA(MELAYU/JAWA), YES!
HABIS DIJAJANYA HAMPIR KESEMUA 'KHAZANAH' KERAJAAN NEGERI SELANGOR KETIKA MENJADI MB. WALAUPUN MAT TIPU (MT) TIDAK KURANG 'KHAZANAHNYA', NAMUN RAMAI JUGA LAH 'TAIKO' MELAYU SELANGOR DILAHIRKAN NYA.

MANAKAN MAMPU MEMPUNYAI KOLEKSI BERPULUH JAM2 YANG BERJENAMA(YANG JARANG KELIHATAN DISINI) SETAKAT GAJI DAN ALAUN MENTERI BESAR?..LEPAS TU TAYANGKAN KAT KAWAN2 PULAK..MEGAH KONON?.
THAT'S WHAT HAPPENED WHEN WE ALLOW A DONKEY DONKEYS A DONKEY..A KORAP JOKI (EJAAN DLM BM) LET IT RIDES.

ADIK 'HBT',
LEBIH TEPAT JAWAPAN NYA ADALAH KT (KUNTA TEMPE) INI TERLEPAS KERNA MUKA TEMPE NYA.. MUKA PENYAPU YANG MEMALUKAN ANGGOTA KERAJAAN, YANG BONGKAK NAK SAPU BERSIH DUN SELANGOR PADA PRU 12. AKHIRNYA MUKA TEMPENYA YANG KENA 'BLEACHED' DAN KERAJAAN 'TEMPE' YANG DIIDAMKAN DIJADIKAN BAHAN MASAKAN LODEH (JAWA ASLI) OLEH RAKYAT NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN.

OLEH ITU PARA PERWAKILAN DIINGATKAN, JANGAN SESEKALI MEMILIH SEORANG PEMIMPIN YANG BERSIKAP PERKAUMAN UNTUK MEMIMPIN PEMUDA UMNO DAN JIKA ANDA PELEKEHKAN PERINGATAN INI, MAKA KAMI KATAKAN UMNO/BN TERUTAMANYA DISELANGOR AKAN DITALKINKAN PADA PRU13..PERCAYALAH!
KAMI TELAH DIPERLEKEH DAN DITERTAWAKAN SEHARI SEBELUM PENCALUNAN PRU 12 KERNA MENYATAKAN KERAJAAN BN SELANGOR AKAN TUMBANG GARA2 SIKAP PERKAUMAN DAN 'PENYAPU' PEMIMPIN NYA. EXCEPT FOR OUR BELOVED WIFE(H/CAP ONE), NONE OF THE 'AABs' AT PUTRAJAYA WAS LISTENING!

ALFATIHAH, AMIN.
PS. Bagi kami yang akan memerhati dari luar PWTC sanggup berenang lautan api sekalipun, berakit2 bersama bahtera UMNO jika party keramat MELAYU ini dibersihkan daripada perasuah2 (yang dilemaskan atau yang diselamatkan atau yang disapukan bersih) demi perjuangan BANGSA MELAYU yang masih BELUM SELESAI! WAWASAN 2020 BUKAN TITIK PENYUDAH..
By observerAuthor Profile Page on March 19, 2009 2:56 PM

assalamualaikum Ybhg Tun dan bloggers...

saya dapati ramai yang cuba membandingkan PPSMI dengan negara Jepun atau negara lain yang menggunakan bahasa ibunda mereka. Ada beberapa fakta yang kita perlu selidiki.

Dari segi teknologi,memang mereka amat maju tetapi tidak dapat dikembangkan secara global. Syarikat Sony,merupakan pengeluar barangan elektronik no.1 di dunia tetapi,CEO Sony adalah berbangsa Inggeris. Kuasa ekonomi dunia dipegang oleh Amerika sedangkan Jepun berada di bawah Amerika.

Negara China,sewaktu saya di Shanghai,wakil daripada kilang pengeluaran peralatan perubatan pakai-habis(Disposable) di sana memberitahu saya,semakin ramai rakyat China belajar bahasa Inggeris untuk kenaikan pangkat.Yang terbaru,rakyat negara China telah berkumpul dengan melaungkan slogan mereka tidak ingin lagi ketinggalan dalam bahasa Inggeris.Kenapa?Mutakhir ini,dunia memperkatakan tentang 'Re-emergence of China' selaku kuasa ekonomi dan untuk bersaing di peringkat global,mereka terpaksa menguasai bahasa Inggeris.

Saya sentiasa terlibat dalam persidangan perubatan antarabangsa,saya dapati pakar-pakar perubatan contohnya dari negara Jepun,mereka sukar untuk berkomunikasi dan berkongsi kepakaran mereka.Cuba lihat pelajar perubatan kita di Jepun,ada yang tidak mampu bertugas bukan sahaja di negara kita malahan di negara lain disebabkan oleh masalah bahasa.

Kemajuan mereka adalah kemajuan 'self-contained' atau kemajuan hanya di dalam negara mereka sahaja dan tidak berkembang secara global melainkan dengan bantuan bangsa asing.Adakah ini matlamat jangkan panjang kita untuk anak-anak bangsa,MAJU tetapi tidak mampu bersaing dan masih memerlukan bantuan luar untuk berjaya? Senario ini ibarat tidak disedari oleh pihak-pihak yang sentiasa menjadikan negara-negara ini sebagai contoh.

Walaupun kita masih belum mampu membuat roket atau mencipta teknologi sendiri yang digunapakai di seluruh dunia tetapi kita menyediakan peluang yang terbaik untuk generasi yang akan datang.

Kepada bloggers dan rakyat Malaysia,
fahami dan selidiki terlebih dahulu terhadap sesuatu dasar sebelum memberikan komen atau berdemonstrasi.Jikalau ingin memberikan contoh,kaji dahulu contoh tersebut.PPSMI tidak membelakangkan bahasa Melayu cuma ingin memberikan kemajuan kepada bangsa melayu itu sendiri.Bahasa akan lenyap jika bangsa itu ketinggalan.
By MAMZAuthor Profile Page on March 19, 2009 2:59 PM

The Star Online 19 March 2009

Brunei: Limbang claim not discussed

MIRI: Brunei's Second Minister of Foreign Affairs and Trade Datuk Seri Lim Jock Seng has denied that claims on Limbang were discussed during the meeting between Sultan Hassanal Bolkiah and Malaysian Prime Minister Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Speaking at the Brunei legislative council meeting on Tuesday, he said the discussion that led to the signing of the Letters of Exchange (LoE) in Bandar Seri Begawan on Monday was on the demarcation of land boundaries on the whole.

"Certain press reports yesterday (Monday) claimed that Brunei has dropped claims over Limbang. In fact, the claim on Limbang was never discussed," he was reported as saying by Brunei's local daily, Borneo Bulletin, Wednesday.

He said a joint press statement was issued after the meeting which mentioned that the demarcation of the land boundaries between the two countries would be resolved on the basis of five existing historical

agreements between the Government of Brunei and the State of Sarawak, and, as appropriate, the watershed principle.

"After that, a working group comprising general surveyors of the two countries will follow with the technical aspect to solve the land border issue," Lim added. Abdullah, at a news conference with Malaysian journalists after the signing of the LoE on Monday, said that Brunei had officially dropped its longstanding territorial claim over Limbang, Sarawak's northernmost division.

He said the matter was part of the historic LoE inked between him and Sultan Hassanal Bolkiah at Istana Nurul Iman in Bandar Seri Begawan.

"It has been stated in the LoE that Brunei has dropped the issue and this means that Limbang is part of Malaysia," he was quoted as saying.

Limbang, located on the banks of Sungai Limbang between the two halves of Brunei and covering an area of 3,978 sq km with a population of more than 40,000, was annexed by James Brooke, the first Rajah of Sarawak, in 1890 as the fifth division of Sarawak. - Bernama.

Mana satu kenyataan yang betul ni, Pak Lah atau Menteri Brunei?
By HBTAuthor Profile Page on March 19, 2009 3:00 PM

Salam Ayanhanda Tun,

Izinkan.....

****

Kepada S..TAN, LIEW, AH HENG and those who (Cina) anti-malays:-

1. Ya sebagai rakyat Malaysia, saya akui Tun Mahathir tidak dapat buat roket ke angkasa, atau kereta boleh terbang atau boleh berubah jadi bot. Apakah semua orang yang fasih berbahasa Inggeris semua boleh buat roket? Tetapi yang belajar berkenaan dengan roket sains memang boleh. Setakat ini belum ada yang tidak belajar sains dalam Bahasa Inggeris yang mencipta roket. Orang Cina dan India pun mengguna ilmu sains yang terkini yang terdapat dalam Bahasa Inggeris untuk roket mereka. Ahli roket Jepun pun mengguna hasil kaji selidik dalam Bahasa Inggeris untuk menjayakan program roket mereka.

2. Nak sokong parti lawan atau "world justice" sokonglah. Tak bersetuju dengan Tun Mahathir, Bekas Perdana Menteri Ke-4, pun tak apa.

3. Tetapi berhujahlah secara yang masuk akal. Berhujah seperti saudara2lah yang menyebabkan orang Melayu anggap orang Cina biadap dan tamak, ish.....

Have a nice day, Ayahanda Tun.
By kaizerfanAuthor Profile Page on March 19, 2009 3:04 PM

My dear Tun..

